

KAJIAN KEBERKESANAN AKTIVITI MAIN PERANAN “I CAN COMMUNICATE TOO” TERHADAP MURID MASALAH PEMBELAJARAN BERKEFUNGSIAN RENDAH

Kanniamah Arumainathan, Kway Eng Hock & Kama Shaffeei*
Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
Corresponding author: kama@fpm.upsi.edu.my

Published: 25 May 2023

To cite this article (APA): Arumainathan, K., Kway, E. H., & Shaffeei, K. (2023). Kajian keberkesanan aktiviti main peranan “I Can Communicate Too” terhadap murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 55–76. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp.5.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp.5.2023>

ABSTRAK

Bahasa Inggeris kini dianggap sebagai bahasa yang penting bukan sahaja di sekolah malah juga dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka keberkesanan aktiviti main peranan “*I Can Communicate Too*” dalam mempertingkatkan komunikasi Bahasa Inggeris murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah. Kajian ini melibatkan Program Pendidikan Khas Integrasi di sebuah sekolah menengah di daerah Kuantan, Pahang. Kajian kes ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Peserta kajian melibatkan tiga orang guru Pendidikan khas yang mengajar Bahasa Inggeris dan 4 orang murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.

Kata kunci: kajian kualitatif, komunikasi Bahasa Inggeris, murid bermasalah pembelajaran berkefungsian rendah

PENGENALAN

Bahasa merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia. Bahasa tidak kira verbal atau tidak verbal merupakan elemen yang paling penting dalam berkomunikasi. Bahasa adalah suatu sistem simbol yang meliputi komponen-komponen seperti fonologi (unit suara), morfologi (unit arti), sintaksis (tata bahasa), semantik (variasi arti), dan pragmatik (penggunaan) bahasa. Ada bahasa yang bukan sahaja dilihat sebagai alat penyampaian komunikasi tetapi juga sebagai salah satu aspek penting dalam kehidupan manusia. Menurut Riadil (2020), melalui bahasa kita dapat berkomunikasi antara satu sama lain, mendapatkan maklumat dari orang lain dan berinteraksi

Melalui bahasa, kita dapat memberi maklumat dan pengetahuan, dan menzahirkan idea serta pemikiran. Ini selaras dengan pendapat Wibowo (2014), yang menyatakan bahawa bahasa merupakan cara yang paling efektif dan berkesan untuk menyampaikan idea, mesej, niat, perasaan dan pendapat kepada orang lain. Bukan itu sahaja, malah bahasa juga memainkan peranan penting dalam membentuk hubungan dengan persekitaran. Nyata sekali bahawa bahasa adalah sesuatu yang sangat signifikan untuk dipelajari.

Komunikasi tidak hanya berperanan sebagai alat hubungan interaksi dan pernyataan kehendak seseorang individu, tetapi juga berperanan sebagai agen penting dalam perkembangan ilmu pendidikan. Leong dan Ahmadi (2017) menyatakan bahawa kemahiran berkomunikasi adalah kemahiran yang paling penting dalam pembelajaran bahasa. Kejayaan murid-murid dalam pembelajaran bahasa selalunya dinilai melalui keupayaan mereka berkomunikasi dalam bahasa tersebut.

Terdapat beratus-ratus jenis bahasa yang dituturkan oleh pelbagai lapisan masyarakat di dunia ini, namun Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang sering digunakan dalam perhubungan antarabangsa. Bahasa Inggeris yang mempunyai status *lingua franca* ini digunakan secara meluas hampir di semua negara di dunia untuk membolehkan mereka berdaya saing dalam era globalisasi.

Justeru itu, Bahasa Inggeris mula diajar kepada murid-murid bermula dari prasekolah lagi di kebanyakan negara termasuk negara kita Malaysia. Walaupun bahasa rasmi kita adalah Bahasa Melayu, namun penekanan khusus diberikan kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Maharam (2016), menyatakan kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris tidak dapat dipertikaikan walaupun Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan di Malaysia.

Namun pengajaran dan pembelajaran komunikasi Bahasa Inggeris bagi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah tidaklah mudah. Menurut Ang & Lee (2018); Bahagian Pendidikan Khas (2018), murid berkeperluan khas, khususnya murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah adalah berbeza dari segi ciri-ciri mental, keupayaan deria, keupayaan berkomunikasi, tingkah laku sosial dan ciri-ciri fizikal. Oleh yang demikian, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris bagi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah memerlukan modifikasi supaya dapat mengembangkan potensi diri mereka ke tahap yang optimum dan tidak terabai seperti murid normal.

Ahn et.al (2018), Halias, Ismail dan Baharuddin (2017), berpendapat bahawa murid masalah pembelajaran tidak mampu mencapai tahap maksimum dalam pembelajaran jika strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan tidak memenuhi keperluan dan kekuatan mereka. Ini selaras dengan Derakhsan dan Shirmohammadli (2015), bahawa guru harus memahami apa yang dipelajari oleh pelajar, bagaimana dan mengapa pembelajaran sedemikian mempengaruhi mereka serta bagaimana pelajaran dapat memberi manfaat kepada mereka di masa hadapan. Zaharah dan Suziyani (2019) pula menyatakan bahawa guru-guru perlu menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk menarik minat dan mencungkil potensi kanak-kanak.

Salah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran berkesan yang boleh diadaptasi adalah pendekatan belajar melalui bermain (Haslida 2015; Aimi Najlaa dan Faridah 2017; Auni Bazilah dan Mohd Jasmy, 2019). Mereka percaya bahawa setiap jenis permainan mempunyai komponen imaginasi tersendiri dan peraturan permainan tersebut terletak di dalam ruang lingkup elemen imaginasi seseorang individu itu ketika bermain.

Pendekatan belajar melalui bermain bertepatan dengan fitrah kanak-kanak dan boleh membantu perkembangan mereka. Menurut Suppiah Nachiappan, Rachel Mildred Edward Munovah, Norazilawati Abdullah dan Sandra Suffian (2017), pembelajaran melalui kaedah bermain merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak. Kaedah ini akan mewujudkan keseronokan dan kepuasan kepada mereka dalam sesuatu pembelajaran. Kanak-kanak akan dapat menguasai pelbagai perkembangan seperti perkembangan dari segi fizikal, emosi, bahasa dan sosial melalui kaedah ini. Ini selaras dengan pernyataan Bahagian Pembangunan Kurikulum (2017) bahawa belajar melalui bermain mampu merangsang perkembangan sosioemosi kanak-kanak dan meningkatkan potensi mereka ke tahap maksimum.

Pelbagai aktiviti belajar melalui bermain boleh dilaksanakan dalam pembelajaran dan pengajaran murid masalah pembelajaran seperti yang digariskan dalam pembelajaran abad ke-21 untuk merangsang perkembangan komunikasi mereka. Antara aktiviti yang sesuai adalah aktiviti main peranan. Esther Vardi-Rath, Teresa Lewin, Zehara Cohen, Hadassah Aillenberg dan Taamar Eylon (2016), berpendapat bahawa aktiviti main peranan merupakan satu aktiviti alternatif kepada realiti sebenar di mana kanak-kanak menjiwai watak yang dimainkan. Main peranan juga merupakan satu aktiviti berbahasa yang melibatkan simulasi tingkah laku daripada orang yang diberi peranan tertentu dalam situasi tertentu.

Main peranan memberi peluang dan ruang kepada murid untuk mensimulasikan diri mereka kepada situasi kehidupan realiti dan mempratikkan bahasa asing yang dipelajari secara insentif untuk meningkatkan kecekapan komunikatif mereka. Natalie Robertson, Bonnie Yim dan Louise Paatsh (2018) menggariskan aktiviti main peranan adalah interaktif responsif yang membantu perkembangan kanak-kanak kerana kanak-kanak akan berinteraksi di antara satu sama lain apabila mereka memberi tindak balas semasa berinteraksi.

Justeru itu, pengkaji melihat aktiviti main peranan "*I can communicate too*" sebagai satu keperluan dalam mempertingkatkan komunikasi Bahasa Inggeris dalam kalangan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.

Latar Belakang Kajian

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) Komunikasi bermatlamat untuk menyediakan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah dengan kemahiran berkomunikasi agar dapat diaplikasi dalam kehidupan harian dengan yakin bagi meningkatkan kualiti hidup. Angelika et.al (2019) berpendapat jika murid mempunyai kemahiran berkomunikasi, mereka dapat melibatkan diri dalam aktiviti yang membolehkan murid memperoleh kemahiran asas yang diperlukan untuk perkembangan diri sehingga dewasa.

Aspek kesediaan untuk berkomunikasi merangkumi kesediaan berkomunikasi secara lisan dan bukan lisan. Aspek ini berfokus untuk menyediakan murid untuk berkomunikasi, mengetahui medium untuk berkomunikasi dan menyesuaikan diri dengan persekitaran dan situasi semasa berkomunikasi.

Menurut Ghimire (2017), murid bermasalah pembelajaran mempunyai kesukaran untuk berkomunikasi dan memberi respon kepada orang sekeliling. Ini selaras dengan pendapat Valeria, Ilaria & Veronica (2017), yang menyatakan bahawa kanak-kanak yang tidak berinteraksi dengan orang lain di sekolah tidak dapat membina hubungan malah mempunyai kecenderungan untuk berasa sunyi, tingkah laku negatif dan tekanan emosi. Kanak-kanak pendidikan khas selalu berasa rendah diri dan kurang dihargai oleh rakan-rakan sebaya. Oleh yang demikian, murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah perlu dibimbing untuk memberi respon kepada bunyi, arahan guru, percakapan rakan dan orang sekeliling.

Murid masalah pembelajaran khususnya yang berkefungsian rendah sukar untuk menguasai kemahiran berbahasa dan komunikasi terutamanya dalam Bahasa Inggeris. Ini adalah kerana murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah ini mempunyai kompleksiti ketidakupayaan yang memberi kesukaran dalam berkomunikasi. Ini selari dengan dapatan kajian oleh Hussein et al. (2020) yang menyatakan murid dalam kategori masalah pembelajaran menghadapi pelbagai masalah. Secara umumnya mereka mengalami kelewatan perkembangan pemikiran, ingatan, daya tumpuan, koordinasi, komunikasi, membaca, menulis, mengeja dan mengira serta kemahiran sosial dan kematangan emosi.

Oleh yang demikian, pengkaji telah membuat keputusan untuk melaksanakan aktiviti main peranan "*I can communicate too*" bagi murid-murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah untuk mengatasi permasalahan ini. Melalui aktiviti ini murid-murid akan diberikan dialog -dialog ringkas untuk dimainkan peranan. Penggunaan aktiviti main peranan dalam bentuk dialog dilihat dapat meningkatkan penguasaan komunikasi Bahasa Inggeris dalam kalangan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.

Alasan pemilihan menggunakan aktiviti main peranan dalam bentuk dialog ini adalah dengan pertimbangan kaedah ini dapat membuatkan pengajaran dan pembelajaran komunikasi Bahasa Inggeris menjadi lebih efektif dan mudah. Aktiviti main peranan dalam bentuk dialog dikatakan lebih efektif kerana murid dapat turut serta dalam latihan berkomunikasi secara berpasangan. Selain itu, murid juga dapat menghilangkan perasaan malu dan tampil lebih berkeyakinan kerana mereka tidak keseorangan sebaliknya mereka berkerjasama dengan rakan-rakan mereka.

Amputuan & Jose (2016); Rojas & Villafuerte (2018) berpendapat kaedah main peranan dapat membantu meningkatkan tahap kelancaran komunikasi dengan cara meningkatkan interaksi dalam kelas. Manakala Taufik & Rosli (2020), pula menyatakan bahawa penggunaan aktiviti main peranan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kreativiti, merangsang imajinasi murid dan meningkatkan motivasi untuk belajar berkomunikasi dengan cara yang menyeronokkan.

Pengkaji melihat pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik main peranan dalam kelas mampu menyuburkan minat belajar dan menanamkan sikap positif terhadap komunikasi Bahasa Inggeris di kalangan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.

Pernyataan Masalah

Pada era globalisasi ini, Bahasa Inggeris telah menjadi bahasa pengantar utama di seluruh dunia. Dengan menekankan penggunaan Bahasa Inggeris, negara mampu bersaing setaraf dengan negara-negara maju yang lain di pentas dunia. Bahasa Inggeris kini dianggap sebagai bahasa yang penting, bukan sahaja di sekolah tetapi juga dalam kalangan masyarakat. Sebilangan besar majikan mencari pekerja yang dapat berkomunikasi dengan cekap dalam Bahasa Inggeris. Menurut Nishanti (2018)

pembelajaran Bahasa Inggeris adalah penting kerana memberi peluang untuk berkomunikasi secara berkesan dengan penduduk di serata pelusuk dunia.

Namun demikian, menerusi dialog Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 pada tahun 2014, bekas Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Muhiyiddin Yassin menyatakan bahawa tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid Malaysia adalah sangat membimbangkan kerana murid-murid dari semua peringkat Pendidikan iaitu peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, pra-universiti dan universiti tidak berupaya untuk bertutur dan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Ini disokong oleh pendapat Saminathan, Lim, Mustafa & Che Abdullah (2020) yang juga menyatakan bahawa tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid di Malaysia berada pada tahap yang rendah. Sejalan dengan pernyataan itu, tidak dapat dinafikan standard penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah khususnya murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah hari ini sangat mengecewakan.

Murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah masih lagi gagal mengaplikasikan penggunaan Bahasa Inggeris di dalam dan luar bilik darjah. Mereka juga sukar untuk mengikuti pembelajaran Bahasa Inggeris dan mereka memerlukan perhatian dan tumpuan khusus daripada guru. Disamping itu juga, disebabkan bermasalah dalam komunikasi Bahasa Inggeris, kebanyakan mereka juga bermasalah dari segi emosi dan tingkah laku. Mereka gagal memahami arahan guru berkaitan dengan matapelajaran Bahasa Inggeris dan seterusnya gagal melengkapkan latihan yang diberi. Ini menyebabkan mereka mula mengganggu rakan-rakan lain didalam kelas.

Masalah utama yang dihadapi oleh murid-murid ini ialah kekurangan kosa kata. Mereka tidak boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris kerana mereka tidak dapat menggunakan atau mencari perkataan yang betul untuk berkomunikasi. Ini selari dengan pernyataan Hasan (2016), bahawa masalah utama yang dihadapi oleh murid dalam berkomunikasi adalah kekurangan perbendaharaan kata. Hoa dan Mai (2016), menyatakan murid-murid kekurangan perbendaharaan kata kerana murid menganggap mereka tidak perlu tahu perkataan kerana mereka tidak biasa, malah jarang digunakan dalam kehidupan seharian mereka.

Menurut, Chung (2016) pula, murid yang mempunyai perbendaharaan yang terhad mengalami kesukaran untuk memahami kandungan bahasa yang dipelajari. Sebahagian daripada mereka menganggap apabila bertutur dalam Bahasa Inggeris mereka akan diejek dan dipulaukan. Selain itu, murid tidak berpeluang untuk berinteraksi sesama rakan mahupun keluarga kerana kebanyakan daripada mereka datang dari latar belakang keluarga yang tidak berpelajaran dan persekitaran yang tidak menitik beratkan penggunaan Bahasa Inggeris. Ini menyebabkan murid kurang motivasi terhadap kepentingan mempelajari Bahasa Inggeris.

Tidak dapat dinafikan bahawa sesetengah murid malas untuk mengulangkaji dan menambahkan pengetahuan dari segi pemahaman ayat-ayat yang sukar. Sikap ini menyebabkan murid kurang atau tidak berusaha untuk membaca bahan-bahan dalam Bahasa Inggeris. Sikap ini ada pada kebanyakan murid dan menyebabkan mereka tidak mahu mengambil tahu tentang perkataan baru yang tidak pernah mereka dengar.

Seterusnya, murid-murid juga malu untuk menyebut perkataan Bahasa Inggeris. Mereka tiada keyakinan diri untuk bertutur dan menyebut sesuatu perkataan dengan betul. Kebanyakan murid kurang pengetahuan dari aspek tatabahasa. Murid-murid juga tidak mahu menjelajah dengan lebih mendalam terhadap Bahasa Inggeris. Mereka menganggap Bahasa Inggeris sukar untuk difahami dan sukar digunakan dalam komunikasi seharian. Dogru (2014) berpendapat ini akan menjejaskan beberapa kemahiran belajar termasuklah mendengar dan menerima arahan, melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kerap melakukan kesalahan dalam kerja sekolah dan kerja rumah. Manakala Haraway (2012) pula menyatakan dalam masa yang sama, pemahaman terhadap konsep-konsep akademik yang turut terjejas ini boleh merangsang kanak-kanak ini bertingkahtlaku mengganggu dalam bilik darjah.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada keberkesanan aktiviti main peranan "*I can communicate too*" yang boleh menyumbang kepada peningkatan kemahiran berbahasa Inggeris di kalangan murid masalah

pembelajaran berkefungsian rendah. Berdasarkan kepada tujuan kajian yang telah dinyatakan, kajian ini mempunyai objektif khusus seperti berikut:

1. Mengetahui pasti faktor-faktor yang menyebabkan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah kurang menguasai komunikasi Bahasa Inggeris
2. Mengetahui pasti ciri-ciri komunikasi Bahasa Inggeris yang dipamerkan oleh murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.
3. Mengetahui pasti masalah yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas semasa mengajar komunikasi Bahasa Inggeris bagi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.
4. Menentukan sejauhmana keberkesanan aktiviti main peranan "*I Can Communicate Too*" dapat membantu penguasaan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah dalam komunikasi Bahasa Inggeris.

Persoalan Kajian

Secara khususnya, empat persoalan kajian dikemukakan iaitu:

1. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah kurang menguasai komunikasi Bahasa Inggeris?
2. Apakah ciri-ciri masalah komunikasi Bahasa Inggeris yang dipamerkan oleh murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah?
3. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas semasa mengajar komunikasi Bahasa Inggeris bagi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah?
4. Sejauhmanakah keberkesanan aktiviti main peranan "*I can communicate too*" dapat membantu penguasaan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah dalam komunikasi Bahasa Inggeris?

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep yang terdapat dalam Rajah 1.1 merupakan satu rangka yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menerangkan secara menyeluruh berkenaan dengan tajuk kajian yang akan bakal dijalankan. Konstruk -konstruk yang digunakan akan menjadi petunjuk kepada persoalan yang dikaji oleh pengkaji.

Masalah komunikasi yang dihadapi oleh murid bermasalah pembelajaran berkefungsian rendah ialah intonasi suara. Murid tidak dapat menggunakan intonasi suara yang betul semasa berkomunikasi. Mereka cenderung untuk menggunakan intonasi yang salah pada masa, keadaan dan tempatnya. Pergerakan badan atau gestur terutamanya ekspresi muka dan kontak mata boleh memberikan mesej kepada penerima tentang mesej sebenar yang ingin disampaikan. kontak mata mempunyai kesan yang besar ketika komunikasi antara dua pihak sedang berlangsung.

Ketiadaan kontak mata ketika berkomunikasi menyebabkan mereka tidak berupaya mengikuti perbualan orang di sekelilingnya. Hal ini selalunya menyebabkan mereka tidak dapat memahami ekspresi orang lain dan sering menyebabkan mereka memberikan tidak balas yang tidak sepatutnya atau salah. Gestur badan juga memberi isyarat mengenai minat dan keyakinan murid ketika menyampaikan maklumat semasa berkomunikasi.


Penguasaan komunikasi Bahasa Inggeris tidak hanya bergantung kepada daya usaha murid, tetapi peranan yang dimainkan oleh guru-guru juga tidak kurang penting. Menurut Suhaimi dan Shaffie (2021) ada sebahagian guru mengajar mengikut opsyen dan ada sebahagian besar yang lain guru yang mengajar pendidikan khas merupakan guru yang menambah opsyen. Oleh yang demikian, Selvam dan Anal (2022) berpendapat bahawa isu penempatan guru yang bukan opsyen di program PPKI merupakan sesuatu yang harus difokus oleh semua pihak kerana ia mampu menjejaskan keberhasilan murid- murid pendidikan khas

Walaupun guru-guru mengetahui mengenai penerapan aktiviti main peranan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris memberi impak yang baik, namun tidak ramai guru Bahasa Inggeris Pendidikan khas menggunakan kaedah ini kerana kekangan-kekangan yang dihadapi untuk mempraktikkan aktiviti main peranan ini.

Antara kekangan yang dihadapi oleh guru peruntukkan masa yang singkat. Secara purata masa yang diperuntukkan untuk subjek Bahasa Inggeris adalah hanya 60 minit seminggu. Dalam masa yang singkat ini guru terpaksa mengajar 4 komponen bahasa iaitu mendengar, membaca, menulis dan bertutur. Selain itu guru juga menghadapi kekangan dari segi bahan dan panduan. Guru-guru kekurangan bahan dan panduan untuk menjalankan aktiviti main peranan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Tanpa bahan dan panduan lengkap, adalah sukar untuk guru menjalankan aktiviti secara efektif.

Seperti yang kita semua maklum, murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah agak sukar untuk dikawal. Aktiviti main peranan memerlukan murid untuk bergerak dan menjalankan aktiviti secara berpasangan. Oleh yang demikian, guru sudah semestinya mengalami kekangan dari segi kawalan murid. Seterusnya guru juga mengalami kekangan dari segi kemahiran. Bukan semua guru mempunyai kemahiran untuk mengajar Bahasa Inggeris lebih-lebih lagi kemahiran berkomunikasi bagi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.

Dengan mengambil kira masalah-masalah yang dihadapi oleh murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah dan guru Bahasa Inggeris Pendidikan khas, pengkaji mengambil keputusan untuk menjalankan aktiviti berasaskan main peranan. Aktiviti main peranan "*I can communicate too*" dilihat sebagai satu mekanisme untuk mengatasi masalah-masalah tersebut dan seterusnya meningkatkan penguasaan komunikasi Bahasa Inggeris dikalangan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual

Tinjauan Literatur

Usaha menangani masalah komunikasi Bahasa Inggeris murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah tidak dapat lari dari penelitian ke atas teori pembelajaran. Penyelesaian berdasarkan teori pembelajaran penting dalam memastikan aktiviti yang digunakan mampu memberi impak sepertimana yang dikehendaki. Secara umum terdapat pelbagai teori pembelajaran yang boleh diaplikasi bagi menangani sesuatu permasalahan.

Masalah Pembelajaran

Definisi masalah pembelajaran agak luas dan masih dikaji hingga sekarang. Selain itu, definisi ini juga telah ditafsirkan dalam ruang lingkup yang berbeza di dalam dan di luar negara. Sharinah (2016) mendefinisikan murid masalah pembelajaran sebagai kanak-kanak yang berbeza daripada kanak-kanak normal dari segi ciri-ciri mental, keupayaan deria, saraf otot, fizikal, tingkahlaku sosial, emosi, komunikasi atau pelbagai kekurangan sehingga mereka memerlukan amalan-amalan sekolah yang diubahsuai. Tahap pencapaian pendidikan mereka juga amat rendah dan peningkatan pencapaian adalah perlahan dan minimum.

Desinigrum (2018) menyatakan bahawa murid masalah pembelajaran boleh dibahagikan kepada dua kumpulan. Pertama, ketidakupayaan dari segi perkembangan pembelajaran, termasuk gangguan kemahiran motor dan persepsi, Bahasa dan komunikasi, ingatan dan tingkahlaku. Kedua, adalah berkaitan dengan ketidakupayaan akademik iaitu membaca, menulis dan mengira. Namun menurut Desinigrum, kedua-dua kumpulan ini tidak boleh dipisahkan secara ekplisit kerana mempunyai hubungan antara mereka.

Menurut Ruth et.al (2016) pula murid masalah pembelajaran mungkin mengalami masalah akademik, gangguan sosial, dan gangguan emosi. Ketidakupayaan akademik dicerminkan dalam ketidakupayaan murid untuk belajar termasuk kesukaran membaca, menulis dan mengira. Menurut beliau, masalah pembelajaran yang dialami setiap murid adalah berbeza-beza. Ada yang mengalami kombinasi ketidakupayaan membaca dan menulis serta masalah pembelajaran yang lain.

The National Joint Committee on Learning Disabilities (2011) merumuskan bahawa bermasalah pembelajaran sebagai satu konsep yang umum dan berlaku dalam kumpulan yang pelbagai, di mana kumpulan ini menunjukkan kesulitan dari segi mendapatkan dan menggunakan kemahiran mendengar, menulis, bertutur, menjabar dan kemahiran matematik

Melalui pengertian diatas dapat dirumuskan bahawa murid diklasifikasi sebagai bermasalah pembelajaran apabila mereka mempunyai kesukaran dari segi memperoleh dan menggunakan kemahiran mendengar, menulis, bertutur, menjabar dan kemahiran matematik serta tidak mempunyai ketidakupayaan lain seperti terencat akal, masalah sensori, masalah emosi yang serius. Selain itu bermasalah pembelajaran juga dikatakan bukan berpunca dari faktor luaran seperti perbezaan budaya ataupun kurang pendidikan. Ini jelas apabila murid yang mengalami kesukaran belajar akibat kurang pendidikan tidak diklasifikasikan sebagai bermasalah pembelajaran.

Namun, di negara kita definisi bermasalah pembelajaran ditakrifkan secara umum dan konteks yang lebih meluas. Berdasarkan KSSMPK (2015), murid berkeperluan khas dikelaskan kepada dua kumpulan besar. Kumpulan pertama adalah murid berkeperluan khas masalah pembelajaran yang berkeupayaan mengikuti mata pelajaran kemahiran vokasional manakala kumpulan kedua adalah murid masalah pembelajaran yang mempunyai kombinasi satu atau lebih ketidakupayaan termasuk ketidakupayaan kognitif.

Masalah pembelajaran dianggap sebagai masalah neurologi yang membabitkan cara otak menerima, memproses, menganalisis dan menyimpan maklumat. Masalah pembelajaran merupakan kecelaruan dalam satu atau lebih dalam proses psikologi yang melibatkan kefahaman, penggunaan bahasa lisan atau bertulis. Kecelaruan ini boleh menjejaskan keupayaan mendengar, berfikir, bertutur, membaca, menulis, mengeja atau mengira. Masalah pembelajaran menyebabkan masalah pembelajaran akademik, bahasa, ingatan, sosioekonomi, kemahiran motor dan koordinasi serta hiperaktif.

Murid Masalah Pembelajaran Berkefungsian Rendah

Menurut Bahagian Pendidikan Khas (2016) murid masalah pembelajaran terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu murid masalah pembelajaran berkefungsian tinggi, murid masalah pembelajaran berkefungsian sederhana dan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah. Murid masalah pembelajaran berkefungsian tinggi merujuk kepada murid-murid berkeperluan khas yang menguasai literasi dan numerasi serta mampu belajar dikelas aliran perdana bersama-sama dengan murid normal. Murid masalah pembelajaran berkefungsian sederhana pula ialah murid berkeperluan khas yang menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi dan mampu berkomunikasi dengan baik. Manakala murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah pula ialah murid-murid berkeperluan khas yang tidak menguasai literasi dan numerasi serta tidak dapat mengawal emosi dan tingkahlaku mereka.

Murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah seperti mana yang telah dinyatakan, wujud dalam pelbagai bentuk, sifat, dan ragam. Kefahaman guru berkenaan permasalahan ini penting bagi memastikan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah mendapat pendidikan sewajarnya bersesuaian dengan ketidakupayaan yang dimiliki.

Kefahaman terhadap kepelbagaian jenis permasalahan juga bagi memastikan aktiviti atau kaedah menangani dapat dijalankan dengan baik serta memberi kesan atau implikasi seperti mana yang dikehendaki. Ini selaras dengan pendapat Kirankumar (2016) bahawa murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah memerlukan strategi pengajaran dan pembelajaran supaya dapat menyokong dan meningkatkan potensi pembelajaran. Hal ini kerana, murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah merupakan individu yang memerlukan kepada kesesuaian dalam pendekatan supaya pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan.

Ciri-ciri masalah pembelajaran pada murid boleh dikenalpasti melalui perkembangan kemahiran membaca, menulis, mengira, kognitif dan sosioemosi. Manisah dan Norizza (2016) mentafsirkan masalah pembelajaran sebagai satu keadaan dimana seorang kanak-kanak berisiko untuk menghadapi kesukaran dalam pemahaman dan penyimpanan maklumat yang meningkatkan risiko kanak-kanak tersebut mengalami keciciran dalam perkembangan kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Masalah pembelajaran mungkin wujud seiring dengan ketidakupayaan lain seperti masalah sensori, kerencatan mental atau gangguan emosi. Fariza et al. (2017) melalui kajian mereka menyatakan bahawa murid masalah pembelajaran mempunyai masalah tumpuan seperti keengganan bertentangan mata (*eye contact*), ketidakupayaan Bahasa dan komunikasi yang terhad. Manakala Gemma et al. (2020) pula berpendapat murid masalah pembelajaran mempunyai masalah seperti mudah lupa apa yang dituturkan (*short-term memory*) yang mempengaruhi tindak balas murid terhadap guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Candace, Cortiella dan Horowitz (2014), menyatakan masalah pembelajaran wujud disebabkan perbezaan atau masalah perkembangan neurologi dalam struktur dan fungsi otak serta memberi kesan kepada keupayaan seseorang untuk menerima, menyimpan, memproses, mengingat, menyampaikan maklumat, berkomunikasi atau berinteraksi.

Fey, Yoder, Warren dan Bredin-Oja (2013), meneliti dari aspek jangka masa bagi sesuatu tempoh pembelajaran komunikasi. Penelitian ini melibatkan 64 orang murid masalah pembelajaran. Dapatan menunjukkan faktor jangka masa pembelajaran kurang mempengaruhi pencapaian murid kerana lebih dipengaruhi oleh faktor bahan pembelajaran.

Murid masalah pembelajaran dapat dikatakan mempunyai ciri-ciri ketidakupayaan yang tersendiri. Ketidapupayaan yang pelbagai dalam kalangan murid masalah pembelajaran merupakan cabaran kepada guru dalam memastikan setiap murid mendapat pendidikan yang sewajarnya. Menurut kajian yang dijalankan oleh Eline Vyvey, Rudi Roose, Lieselot De Wilde dan Griet Roets (2014), kanak-kanak masalah pembelajaran akan terdedah kepada impak negatif sekiranya tercicir dari pembelajaran.


Banyak penelitian di jalankan bagi menilai permasalahan meliputi pelbagai aspek, bertujuan untuk memastikan murid masalah pembelajaran mendapat pendidikan yang bersesuaian dengan ketidakupayaan yang dimiliki.

Teori Sosiobudaya Dan Perkembangan Kognitif Vygotsky

Vygotsky (1978) berpendapat aktiviti bermain merupakan aspek penting dalam membantu perkembangan kanak-kanak. Bermain merupakan aspek yang membantu kanak-kanak membina zon perkembangan proksimalnya. Beliau melihat aktiviti bermain dalam pembelajaran kanak-kanak sebagai hasil daripada sokongan sosial. Dalam teori Vygotsky, sokongan sosial yang dimaksudkan adalah orang dewasa atau guru yang membantu dalam meningkatkan idea-idea dan pemikiran kanak-kanak. Mengikut teori ini, pembelajaran berlaku melalui interaksi kanak-kanak dalam persekitaran di mana peluang interaksi bersama orang yang lebih dewasa akan membantu penerimaan ilmu pengetahuan dan pembelajaran apabila elemen-elemen persekitaran dapat menerangkan sebab terjadinya sesuatu perkara. Proses pelaksanaan teori ini melibatkan guru sebagai model peranan dan murid-murid sebagai peserta.

Vygotsky juga membahaskan bahawa pengajaran akan berkesan apabila murid berkerjasama melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran dan menerima bimbingan sepatutnya dari guru. Bantuan guru kepada murid-murid membolehkan guru dapat mengenalpasti cara murid-murid menguasai konsep baru dan kebolehan-kebolehan lain yang timbul hasil dari aktiviti yang dijalankan. Sehubungan dengan itu,

Vygotsky mencadangkan agar aktiviti dilakukan secara koperatif dalam kalangan kanak-kanak kerana dapat menggalakkan perkembangan kognitif dan pembelajaran kanak-kanak. Penggunaan pendekatan belajar melalui bermain secara koperatif seperti aktiviti main peranan membolehkan murid menguasai standard kandungan pengajaran dan pembelajaran. Rajah 2.1 merupakan rajah yang menunjukkan Zon Perkembangan Proksimal oleh Vygotsky.



Rajah 2.1 Zon Perkembangan Proksimal oleh Vygotsky (1978)

Masalah Bahasa Murid Masalah Pembelajaran Berkefungsian Rendah

Secara umumnya, masalah bahasa kanak-kanak masalah pembelajaran boleh dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu bentuk bahasa, kandungan bahasa dan penggunaan bahasa. Bentuk bahasa terdiri daripada fonologi, morfologi dan sintaksis, kandungan bahasa dikelompok sebagai semantik manakala penggunaan bahasa dikelompok sebagai pragmatik.

Pengajaran kemahiran bahasa bertujuan untuk menangani masalah penguasaan bahasa tidak kira dalam kalangan murid normal atau murid masalah pembelajaran. Pengajaran kemahiran bahasa bagi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah mempunyai cabaran tersendiri lantaran dari ketidakupayaan yang dimiliki. Tujuan utama pengajaran bahasa terutamanya Bahasa Inggeris bagi murid berkeperluan khas masalah pembelajaran berkefungsian rendah adalah untuk membantu murid

menguasai kemahiran komunikasi bagi membolehkan murid berhubung atau berkomunikasi dengan individu dalam persekitaran mereka.

Kemahiran berbahasa adalah penting dalam pembinaan hubungan sosial dan pengawalan emosi dalam kalangan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah. Kajian Long, (2017); Whiteside, Gooch, dan Norbury (2017), telah menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang positif di antara kemahiran berbahasa dan kawalan sosio-emosi, khususnya dalam pengawalan tingkah laku di mana keupayaan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid adalah berkaitan rapat dengan perkembangan sosial, emosi dan tingkah laku yang lebih baik.

Menurut Ackerman & Tazi, (2015); Halle, Hair, Wandner, McNamara, & Chien, (2012); Whiteside et al., (2017), murid yang berupaya untuk menguasai Bahasa Inggeris turut menunjukkan pencapaian akademik yang lebih baik dan lebih berupaya untuk tumpu perhatian semasa sesi pembelajaran dan lebih bersemangat untuk belajar hasil daripada kawalan tingkah laku yang lebih baik. Dari aspek tingkah laku dalaman, murid mungkin akan berasa malu dan tidak mahu untuk bergaul dengan orang lain. Manakala dari aspek tingkah laku luaran, murid mungkin akan menjadi agresif dan hiperaktif

Kepentingan Komunikasi Bahasa Inggeris Bagi Murid Masalah Pembelajaran Berkefungsian Rendah

Melalui peredaran waktu, proses normalisasi individu khas dalam komuniti semakin rancak berkembang. Prinsip normalisasi ini secara tidak langsung telah meletakkan keperluan untuk memiliki kemahiran-kemahiran yang penting seperti kemahiran berbahasa Inggeris bagi mereka meneruskan kehidupan dalam komuniti sosial yang semakin kompleks. Tambahan pula peluang pekerjaan bagi individu berkeperluan khas semakin terbuka luas dengan galakan dan insentif yang diberikan oleh kerajaan kepada pekerja khas, majikan dan akses kepada pekerjaan seperti yang termaktub dalam Akta Orang Kurang Upaya (2008). Melalui peluang-peluang seperti ini, maka semakin banyaklah persaingan dan pergelutan kepada individu bermasalah pembelajaran khususnya yang berkefungsian rendah untuk berfungsi dengan sebaiknya dalam komuniti. Oleh yang demikian, kemahiran komunikasi dalam bahasa Inggeris diharapkan dapat menjadi nilai tambah kepada murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.

Justeru itu, guru-guru pendidikan khas perlu mencuba pelbagai aktiviti untuk meningkatkan tahap pencapaian murid masalah pembelajaran. Tambahan pula dalam melaksanakan kurikulum pendidikan khas, guru boleh mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa bagi aktiviti, serta menggunakan bahan bantu mengajar bagi mencapai pembelajaran yang bermakna. Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Khas bermasalah pembelajaran ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996, Bab-8 Pendidikan Khas, Seksyen 41, Subseksyen (1)(b). Keseluruhan kurikulum ini adalah berlandaskan model konseptual kurikulum yang berfokus kepada keperluan individu murid pendidikan khas dengan mengambil kira kepelbagaian keupayaan murid-murid. Kurikulum ini berdasarkan tiga prinsip utama iaitu, pendidikan menyeluruh dan bersepadu, pembelajaran sepanjang hayat, serta pembelajaran yang menggembirakan dan bermakna.

Integrasi Bermain Dalam Penguasaan Komunikasi Bahasa Inggeris

Menurut UNICEF (2018), aspek bermain merupakan satu strategi yang penting dalam proses penimbaan ilmu. Kanak-kanak mendapat stimulasi dan belajar tentang kemahiran berbahasa, kemahiran sosio-emosi dan kemahiran kognitif melalui bermain dan meneroka. Melalui bermain dan penerokaan, kanak-kanak juga diberi peluang untuk memperkembangkan imaginasi dan kreativiti masing-masing. Antara kepentingan aspek bermain dalam proses pembelajaran kanak-kanak adalah disebabkan beberapa faktor iaitu: (i) Bermain adalah bermakna, (ii) Bermain adalah menggembirakan, (iii) Bermain memerlukan penglibatan secara aktif, (iv) Bermain memerlukan pengulangan dan (v) Bermain adalah interaktif. Nurul dan Ramlah (2020) pula menyatakan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan permainan digunakan sebagai satu platform untuk merangsang dan menggalakkan murid agar lebih aktif dalam mengambil bahagian. Ketika proses pembelajaran berlaku serta menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan dan membantu murid memahami pembelajaran yang dipelajari dengan lebih berkesan.

Teknik bermain yang memerlukan kemahiran naratif kanak-kanak turut terbukti dalam meningkat penguasaan tahap literasi kanak-kanak. Kajian yang dijalankan oleh Heppner (2016) menunjukkan bahawa teknik bercerita dan lakonan yang menerapkan aspek bermain berupaya untuk meningkatkan penguasaan perkembangan oral, naratif, konsep abjad, pembelajaran perkataan dan memahami makna perkataan. Oleh yang demikian, kajian ini menyokong bahawa pendekatan bercerita boleh digunakan oleh guru sebagai satu teknik bermain sambil belajar untuk mempertingkatkan tahap penguasaan literasi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Kaedah penerapan aspek bermain dalam pembelajaran literasi bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada kanak-kanak biasa, kajian turut menunjukkan bahawa kanak-kanak berkeperluan khas turut mendapat manfaat yang memberangsangkan. Kajian daripada Nicolopoulou, Cortina, Ilgaz, Cates, dan Aline (2015) yang menggunakan metodologi kajian yang sama dengan Heppner (2016), iaitu penerapan bercerita dan lakonan dalam kurikulum sedia ada berupaya untuk membantu perkembangan kanak-kanak dari keluarga miskin menerusi 3 dimensi iaitu kemahiran naratif dan berbahasa, kemahiran literasi serta keupayaan bersosial dalam kalangan kanak-kanak.

Walaubagaimanapun, aktiviti bermain di dalam bilik darjah yang dijalankan memerlukan bimbingan guru. Ini adalah selari dengan Teori *Zone of Proximal Development* (ZPD) oleh Vygotsky yang mementingkan "*scaffolding*" orang dewasa dalam membantu perkembangan kanak-kanak. Kajian yang dijalankan oleh Rashida Banerjee, Amani Alsaman, Shehana Alqafari (2015) berpendapat bahawa peranan guru adalah penting dalam pelaksanaan aktiviti bermain secara "*sociodramatic*" dalam meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak. Selari dengan dapatan kajian oleh Banerjee et. al (2015), kajian yang dijalankan oleh Anamika Devi, Marilyn Flier dan Liang Li (2018) di Australia berpendapat bahawa guru memainkan pelbagai peranan seperti pemerhati, pengajar dan penyedia bahan dalam pelaksanaan aktiviti bermain.

Kepentingan penglibatan orang dewasa dalam aspek bermain juga dititikberatkan dalam kajian daripada Oers dan Duijkers (2013) yang menggunakan kurikulum yang diberi nama kurikulum "*Development Education*" dalam menerapkan aspek bermain dalam pembelajaran kosa kata dalam kalangan kanak-kanak. Kajian-kajian yang dijalankan dengan menerapkan aktiviti bermain dengan bantuan guru telah terbukti berkesan dalam meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak.

Melalui bermain secara koperatif kanak-kanak diberi peluang untuk berkongsi idea dengan berunding, berbincang, berkerjasama dalam menyiapkan tugas serta melatih kanak-kanak mengambil peranan dalam kumpulan masing-masing untuk mencapai matlamat yang sama. Selain itu banyak faedah yang boleh diperolehi oleh murid dalam pembelajaran koperatif seperti meningkatkan pengetahuan, kemahiran, pemahaman konseptual, sikap, harga diri, usaha untuk mencapai sesuatu, kemahiran berkomunikasi serta motivasi.

Selain itu, teknik *scaffolding* juga ditekankan dalam aktiviti main peranan yang akan dilaksanakan dalam kajian ini. Teknik *scaffolding* merupakan sokongan dan bantuan yang mampu meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak ke aras yang lebih tinggi. Teknik ini digunakan supaya individu seperti guru atau rakan sebaya yang memiliki kemahiran dan kepakaran yang lebih tinggi dapat membantu kanak-kanak yang kurang berpengetahuan dan berkeupayaan.

Permainan secara koperatif seperti aktiviti main peranan dapat menggalakkan teknik *scaffolding* yang memberi manfaat kepada murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah yang lemah dalam komunikasi Bahasa Inggeris. bantuan yang diberikan kepada murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah ini perlu diteruskan sehingga mereka dapat menguasai kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris. Teknik *scaffolding* yang diaplikasi di dalam kelas dapat memotivasikan murid untuk belajar di peringkat seterusnya.

Aktiviti Main Peranan

Main peranan atau "*role play*" didefinisikan sebagai aktiviti pembelajaran yang memberi peluang kepada murid untuk membayangkan diri menjadi seseorang dalam situasi yang tertentu. Mariam Felani Shaari dan Sabarinah (2016) serta Nik Murshidah, Rahimah, Raja Hazirah, Nooranida, Mohd Taufiq, Zaiton dan Normila (2014) menyatakan aktiviti main peranan sebagai aktiviti yang melibatkan simulasi tingkah laku berdasarkan peranan yang diberikan dalam situasi tertentu. Manakala menurut Eturk

(2015) dan Ogbu (2018) pula, drama, simulasi, permainan dan demonstrasi dalam kehidupan seharian yang dijalankan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran juga dikategorikan sebagai main peranan.

Dari segi penglibatan, Nurially Sofyan, Taslim Buaja dan Ona Raiyani (2018) menyatakan main peranan melibatkan interaksi antara dua atau lebih ramai murid dalam suatu topik atau situasi yang diberikan oleh guru. Daripada definisi tersebut, main peranan dapat disimpulkan sebagai satu kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid.

Nazariyah (2014), berpendapat bahawa main peranan memberi peluang kepada murid untuk mendengar, melihat, merasa, mempratik dan mendominasi aktiviti pembelajaran. Menurut Peter Kilgour, Daniel Reynaud, Maria Northcote dan Marion Shields (2015), pembelajaran aktif bukan sahaja menjadikan sesi pembelajaran lebih menarik, malahan memberi peluang kepada murid merasai pengalaman serta mengingati konsep dan fakta. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ogbu (2018), pelaksanaan kaedah main peranan dapat menjimatkan kos dan masa, menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan efektif serta menggalakkan pemahaman konsep dengan mudah.

Dalam kajian yang lepas, aktiviti main peranan juga ada dijalankan dalam bentuk drama kreatif yang menggunakan jalan cerita fiksiyen. Menurut Arba'ie Sujud, Nurul Azimah, Nik Rafidah dan Intan Zahariah (2014), konsep cerita sesuai dengan sifat kanak-kanak yang penuh dengan emosi dan sikap ingin tahu. Melalui ciri-ciri tersebut, guru perlu merancang latar dan jalan cerita dengan rapi supaya murid benar-benar menjivai situasi dan watak yang diberikan seperti dalam kajian Coleman dan Davies (2018), Nesrin Ozsoy, Sinan Ozyer, Nesibe Akdeniz dan Aysenur Alkoc (2017), Angela Piu, Cesare Fregola dan Anna Santoro (2016) dan Sahin (2018).

Pelbagai watak dan tema cerita boleh direka oleh guru bagi menjadikan sesi pembelajaran menarik dan efektif. Menurut Piu et al (2016), pembelajaran secara aktif juga berlaku melalui komunikasi dan tugas-tugas secara "*hands-on*" yang dilaksanakan oleh murid. Ain Mohd Fadzil (2016) dan Veny Iswantiningtyas (2017), dalam kajian yang dijalankan oleh mereka mendapati main peranan ini dapat membantu meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak disamping sikap tolong menolong, bertolak-ansur, dan berkerjasama

Selain daripada melaksanakan kaedah main peranan secara fizikal, terdapat juga kajian yang menggunakan konsep main peranan secara maya melalui permainan secara dalam talian. Menurut Chiu dan Hsieh (2016), Fabuzan dan Santosa (2018), pelaksanaan konsep main peranan secara permainan maya atau disebut sebagai "*role-playing games*" dilaksanakan dengan murid memainkan peranan sebagai watak maya untuk menyelesaikan misi yang direka berdasarkan topik pembelajaran. Permainan main peranan secara maya yang digunakan oleh pengkaji berbentuk pengembaraan serta mempunyai misi yang menarik. Menurut Rahayu dan Fujiati (2017), permainan main peranan berbentuk pengembaraan sesuai digunakan dalam pembelajaran kerana dapat mendorong pemain untuk berfikir secara kritis untuk menyelesaikan misi yang ada.

Berdasarkan definisi dan konsep yang diterangkan melalui kajian lepas, kaedah main peranan dilihat dapat memberi impak positif terhadap penguasaan komunikasi Bahasa Inggeris dikalangan murid khususnya murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah. Kajian yang dilaksanakan oleh Aiza et.al (2018) mendapati bahawa murid hanya belajar 20% dari apa yang mereka dengar dan baca, tetapi dapat belajar 90% dari apa yang telah mereka praktikkan. Banyak kajian yang dilakukan sebelum ini menunjukkan bahawa murid dapat mengikuti pelajaran dengan baik semasa mereka menjadi rakan aktif dalam proses pembelajaran. Murid mendapat pengetahuan yang lebih luas sekiranya mereka diberi peluang untuk saling berinteraksi dalam kelas.

Pendekatan Main Peranan Dalam Meningkatkan Kemahiran Komunikasi

Main peranan merupakan suatu pendekatan yang memerlukan murid-murid melakonkan beberapa siri kemahiran komunikasi mengikut situasi-situasi tertentu yang bersesuaian. Pendekatan pengajaran ini dikatakan paling berkesan untuk meningkatkan dan membina kemahiran komunikasi sekiranya objektrif pembelajaran dapat ditentukan dengan jelas. Menurut Krebt (2017), kajiannya mendapati kumpulan pelajar yang menjalani eksperimen melaksanakan aktiviti main peranan menunjukkan peningkatan komunikasi yang lebih tinggi berbanding kumpulan pelajar yang menggunakan kaedah tradisional.

Ampatuan & Jose (2016) serta Rojas & dan Villafuerte (2018) pula menyatakan bahawa kaedah main peranan dapat membantu meningkatkan tahap kelancaran komunikasi dengan cara meningkatkan

interaksi dalam kelas, memberi pemahaman tentang fungsi domain kemahiran komunikasi yang dipelajari, memotivasikan mereka untuk belajar, serta memberi penghargaan. Manakala Taufik & Rosli (2020) berpendapat penggunaan kaedah main peranan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kreativiti, merangsang imaginasi murid dan meningkatkan motivasi untuk belajar dengan cara yang menyeronokkan.

Kajian Nik Murshidah et.al (2014) mendapati kaedah main peranan memberi peluang kepada murid dan ruang selamat untuk berkomunikasi dalam pelbagai konteks social disamping membantu murid yang malu untuk bercakap dengan lancar dalam sesuatu situasi sebenar yang realistik tanpa berhadapan dengan risiko kegagalan komunikasi. Ab Rahman et. al (2019) mengutarakan bahawa kaedah main peranan ini juga dapat membantu murid untuk mencitrakan satu konsep abstrak yang sukar secara berkesan dan memperkukuhkan konsep yang dipelajari.

Mengambil kira dapatan kajian-kajian diatas menunjukkan bahawa aktiviti main peranan dapat dipraktikkan bagi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah kerana dapat menarik perhatian murid serta mampu mempercepatkan pemahaman murid tentang bahan pembelajaran, melatih kebebasan murid, mengembangkan kreativiti, bertanggungjawab serta mengajar mereka agar sensitif terhadap orang sekeliling.

Aktiviti main peranan juga merupakan suatu aktiviti yang efektif dalam pembelajaran kemahiran komunikasi, kerana aktiviti ini memberi ruang selamat untuk murid mencuba dan berlatih menggunakan kemahiran-kemahiran komunikasi dalam pengalaman situasi sebenar. Bagaimanapun keberkesanan aktiviti ini sangat bergantung kepada keupayaan guru Pendidikan khas membantu murid untuk menerima dan memberi maklum balas serta meningkatkan keyakinan mereka untuk terus berkomunikasi dengan baik.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memahami isu komunikasi Bahasa Inggeris dalam kalangan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah dan mengkaji keberkesanan aktiviti main peranan komunikasi Bahasa Inggeris. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Kajian kualitatif memfokuskan pemahaman, pengalaman pengetahuan, penemuan serta wawasan dan pandangan peserta kajian dapat memberi sumbangan besar kepada amalan Pendidikan.

Miles, Huberman dan Saldana (2014) pendekatan dalam kajian kualitatif menggunakan ayat-ayat, konsep maklumat dan tidak melibatkan angka-angka. Penggunaan kaedah kualitatif ini bertujuan untuk melihat secara sistematik penguasaan komunikasi Bahasa Inggeris oleh murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah melalui aktiviti main peranan komunikasi Bahasa Inggeris.

Pemilihan reka bentuk kajian kes ini bertepatan dengan saranan Clark dan Cresswell (2015) untuk melihat fenomena sesuatu isu dari sudut yang berbeza dan pelbagai. Kajian kes ini melibatkan temu bual, analisis dokumen dan juga pemerhatian senarai semak. Melalui pemerhatian senarai semak, pengkaji dapat memerhatikan kemahiran komunikasi yang berlaku dalam kalangan murid-murid semasa aktiviti main peranan dijalankan. Manakala melalui kaedah temu bual guru pula, pengkaji dapat mengetahui keberkesanan aktiviti main peranan ini terhadap penguasaan Bahasa Inggeris murid- murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.

Terdapat beberapa pertimbangan di buat oleh pengkaji semasa mengambil keputusan untuk menjalankan kajian menggunakan kaedah kualitatif. Patton (2015) menyatakan bahawa kaedah kualitatif boleh digunakan untuk memahami sebarang fenomena dengan lebih baik serta memperoleh perspektif baru tentang perkara-perkara yang telah diketahui atau untuk memperoleh maklumat dengan lebih mendalam yang mungkin sukar untuk disalurkan melalui kajian kuantitatif.

Antara ciri-ciri kajian kualitatif yang dipertimbangkan oleh pengkaji ialah, kajian kualitatif fleksibel dan terbuka menerima kemungkinan bagi perubahan-perubahan serta fakta yang didapati melalui kajian ini lebih berfokus, menarik, unik dan bermakna. Selain itu, dalam kajian kualitatif pengkaji dapat melibatkan diri secara langsung dengan subjek kajian dan ini memudahkan pengkaji untuk mencari maklumat yang diperlukan. Justeru itu, untuk memperoleh data yang sesuai dengan kajian ini, pengkaji sendiri turun padang untuk memperoleh data pemerhatian dan temu bual.

Data yang diperoleh, baik dari sesi temu bual atau pemerhatian tentang keberkesanan aktiviti main peranan Bahasa Inggeris bagi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah lebih tepat

apabila diungkapkan dalam bentuk ayat-ayat sesuai dengan sifat kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif.

Kajian yang dijalankan juga akan menggunakan pendekatan berbentuk kajian kes. Kajian kes merupakan kaedah kajian yang digunakan oleh seseorang pengkaji yang ingin meneroka dan memahami lebih mendalam mengenai proses bagaimana sesuatu gejala berlaku. Kajian kes mamapu mewujudkan batasan skop, peserta kajian, masa dan lokasi kajian agar sesuatu kajian dapat dijalankan dengan lebih mendalam dan menyeluruh.

Menurut Creswell (2014), pertimbangan untuk menjalankan kajian menggunakan pendekatan kajian kes tidak sahaja dijalankan dalam menganalisis kes tunggal atau "single case", tetapi juga boleh digunakan dalam kes-kes jamak atau "multi cases" dalam pelbagai konsep ilmu sama ada dalam bidang pendidikan, ekonomi, sosiologi dan ilmu-ilmu sosial lain. Dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis multicases memandangkan subjek kajian yang akan digunakan lebih satu.

PESERTA KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, peserta- peserta kajian yang dipilih adalah terdiri daripada 3 orang guru dan 4 orang murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.

Guru

Kajian menggunakan guru-guru yang mengajar subjek Bahasa Inggeris Pendidikan khas. Pemilihan guru-guru ini sebagai peserta kajian adalah sesuai dengan permasalahan kajian. Pemilihan guru ini sesuai kerana kajian ini bertujuan untuk meneroka keberkesanan aktiviti main peranan Bahasa Inggeris " *I can communicate too*" bagi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah. Pertimbangan pemilihan guru ini sebagai peserta kajian adalah kerana guru ini mempunyai kriteria yang digariskan oleh pengkaji iaitu mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris. Peserta kajian dapat berkomunikasi dengan pengkaji kerana sama-sama mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Selain itu, peserta kajian yang dipilih juga mempunyai jalinan kerjasama yang erat dengan pengkaji. Ini memudahkan pengkaji untuk menjalankan dan mengumpul data kajian. Peserta kajian dikenalpasti berpengalaman dan berpengetahuan terhadap perkara yang dikaji oleh pengkaji kerana beliau terlibat secara langsung dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris di kelas Pendidikan khas. Perkara ini penting kerana peserta kajian perlu melibatkan diri dalam masa yang agak panjang iaitu kira-kira setahun. Peserta juga bersetuju untuk mengemukakan bukti dokumen, bersedia untuk dirakam secara rakaman audio, di temu bual dan diperhatikan.

Murid

Peserta kajian dari kalangan murid terdiri daripada 4 orang murid masalah pembelajaran yang berumur dalam lingkungan usia tiga belas hingga lima belas tahun. Murid-murid yang dipilih ini adalah daripada kategori berkefungsian rendah yang mempunyai keupayaan untuk berkomunikasi dan kemahiran membaca yang minima. Namun peserta- peserta kajian ini mempunyai masalah berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Jumlah peserta kajian ini sangat bersesuaian mengikut saranan Creswell (2015). Beliau menyatakan bahawa dalam pendekatan kualitatif kajian kes boleh mengkaji satu hingga empat orang peserta kajian. Pemilihan peserta kajian ini berdasarkan kemampuan pengkaji dalam melibatkan mereka dalam kajian. Peserta kajian dari kalangan murid ini juga dipilih berdasarkan keupayaan mereka untuk membekalkan maklumat dan mampu memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pengkaji.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merujuk kepada alat dalam menjalankan sesuatu kajian dan ianya mempunyai kepentingan tersendiri. Penggunaan instrumen harus sejajar dengan objektif yang telah digariskan bagi memastikan matlamat dan tujuan kajian dapat dicapai.

Temu bual Separa Berstruktur

Alshenqeeti (2014) menyatakan bahawa temu bual separa berstruktur adalah jenis temu bual yang kebiasaannya digunakan dalam penyelidikan kualitatif. Sama seperti temu bual berstruktur, temu bual jenis ini juga menggariskan topik dan persoalan yang disediakan oleh pengkaji. Walau bagaimana pun, tidak seperti temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur adalah fleksibel. Pelaksanaan temu bual bergantung kepada bagaimana peserta kajian menjawab soalan atau topik yang ditentukan oleh pengkaji.

Dalam kajian ini, temu bual separa berstruktur digunakan untuk mengumpul maklumat untuk menjawab persoalan kajian 1 mengenai faktor-faktor yang menyebabkan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah tidak menguasai komunikasi Bahasa Inggeris. Temu bual ini juga digunakan untuk menjawab persoalan kajian 3 tentang masalah yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas semasa mengajar komunikasi Bahasa Inggeris bagi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.

Dalam temu bual ini, pengkaji akan menggunakan rakaman audio. Berdasarkan rakaman audio ini, pengkaji akan membuat transkripsi. Sebelum menjalankan temu bual, pengkaji akan meminta izin daripada guru terlebih dahulu untuk merakam perbualan, dan menerangkan tujuan temu bual dan tujuan rekod audio ini dijalankan.

Kaedah temu bual separa berstruktur membolehkan pengkaji mempunyai kuasa sepenuhnya di atas output yang beliau kehendaki. Pengkaji boleh bertanya soalan tambahan sekiranya jawapan yang diperolehi daripada peserta kajian tidak mencukupi atau kurang jelas. Selain itu, pengkaji mempunyai kebebasan untuk mengkaji perkara-perkara baru yang beliau temui sepanjang sesi temu bual.

Pemerhatian

Pemerhatian digunakan untuk memerhati perkembangan kemahiran berkomunikasi Bahasa Inggeris dalam kalangan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah. Pemerhatian akan dirakam untuk memudahkan pengkaji meneliti semula perlakuan atau tindak balas murid semasa penulisan laporan. Pemerhatian senarai semak digunakan untuk menjawab persoalan kajian 2 iaitu ciri-ciri masalah komunikasi Bahasa Inggeris yang dipamerkan oleh murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.

Pemerhatian juga akan digunakan untuk menjawab persoalan kajian 4 iaitu sejauhmana aktiviti main peranan Bahasa Inggeris "I Can Communicate Too" dapat membantu penguasaan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah dalam komunikasi Bahasa Inggeris. Senarai semak akan digunakan semasa murid-murid menjalani aktiviti main peranan. Murid akan diperhatikan dari segi intonasi suara, kejelasan sebutan, kelancaran sebutan, ekspresi muka, kontak mata dan gestur semasa berkomunikasi. Pengkaji berperanan sebagai pemerhati semasa pemerhatian proses aktiviti main peranan dijalankan.

Analisis Dokumen

Dokumen adalah sumber data kajian kualitatif selain daripada pemerhatian dan temu bual. Dokumen merangkumi segala bahan bertulis, visual, dan fizikal yang sedia ada dan berkaitan dengan kajian. Dokumen juga boleh digunakan sebagai sokongan dan bukti tambahan untuk data yang diperolehi daripada sumber lain. Data yang tidak dapat diteroka melalui pemerhatian dan temu bual, mungkin boleh ditemui melalui analisis dokumen.

Menurut Patton (2015), dokumen merupakan bahan sedia ada yang digunakan sebagai sumber data dan peristiwa bersifat kekal yang telah berlaku untuk mendapatkan maklumat sebenar yang boleh dipercayai dan tepat bagi membantu dalam pendekatan kajian kualitatif. Antara dokumen yang sering digunakan adalah bahan bertulis. Rakaman audio visual serta, bahan bercetak yang bersifat peribadi dan umum yang mengandungi perkara-perkara dan aktiviti peserta kajian.

Dalam kajian ini, analisis dokumen meliputi Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas Kefungsian Rendah (Komunikasi), fail peribadi murid, pentaksiran bilik darjah, Rancangan Pendidikan Individu serta profil kemahiran berkomunikasi. Analisis dokumen ini bertindak sebagai panduan dalam menjalankan aktiviti main peranan Bahasa Inggeris "I Can Communicate Too". Dokumen ini juga penting untuk pengkaji mengutip data khusus tentang murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah

Analisis dokumen yang berkaitan dalam kajian ini membolehkan pengkaji melakukan triangulasi data melalui pengutipan data melalui dua kaedah iaitu pemerhatian dan temu bual. Analisis dokumen ini akan berjalan sepanjang proses kajian. Hasil akhir kajian dokumen ini diharapkan dapat memberi pemahaman yang lebih jelas mengenai apa, mengapa dan bagaimana data sokongan dari pemerhatian dan temu bual berhubung kait antara satu sama lain.

KESAHAN INSTRUMEN

Instrumen akan menghasilkan kesahan yang tinggi sekiranya instrumen tersebut dapat diukur berdasarkan keperluan yang menyeluruh dan menepati kehendak kajian. Menurut Tabachnick dan Field (2013), sesuatu instrumen mempunyai kesahan yang tinggi jika ianya dapat mengukur apa yang perlu diukur.

Temu bual

Menurut Creswell (2014), kepercayaan data temu bual dalam kajian ini bergantung kepada kesahan instrumen pengutipan data kajian. Oleh yang demikian, sebelum menggunakan instrumen untuk pengutipan data, instrumen perlulah mempunyai kesahihan yang tinggi melibatkan mana-mana kategori dan tema yang telah dikenalpasti.

Dalam kajian ini, kesahan instrumen sebagai alat panduan temu bual sebelum digunakan untuk pengutipan data terlebih dahulu di uji kesahan. Soalan temu bual yang dibina, dihantar kepada 5 orang pakar untuk disahkan dari segi kesesuaian soalan dan penggunaan bahasa agar mudah difahami oleh guru yang akan di temu bual. Seperti yang disyorkan oleh Mohd Effendi, Ahmad Zamri, Hisyamsani dan Normawati (2017), kesemua pakar professional yang dilantik adalah mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan khas.

Ciri lain pemilihan pakar ialah mempunyai pengalaman luas dalam pendidikan khas melebihi 10 tahun. Disebabkan penularan Virus Covid 19 yang masih tinggi, pengkaji tidak dapat berjumpa dengan panel pakar secara bersemuka. Pengkaji telah menghantar soalan temu bual dalam bentuk “*google form*” untuk disemak. Pengkaji telah menerangkan tentang latar belakang, objektif dan persoalan kajian melalui panggilan telefon.

Selain itu, panel pakar juga diberikan segala dokumen berkaitan untuk tujuan penilaian sama ada dalam bentuk komentar, pembetulan mahupun cadangan melalui aplikasi “*whatsapp*”. Selepas proses temu bual pula, peserta kajian iaitu guru akan diminta untuk mengesahkan data yang diperolehi. Guru harus mengesahkan maklumat yang diterima oleh pengkaji adalah sama dengan maklumat yang telah diberikan oleh guru tersebut.

Pemerhatian

Bukti pelaksanaan pengumpulan data seperti temu janji, temu bual rasmi dan tidak rasmi, pemerhatian, dan pengumpulan dokumen adalah juga satu bentuk kebolehppercayaan yang tinggi. Justeru itu, setiap pelaksanaan kerja pengumpulan data di lapangan perlu dilaporkan dalam dalam laporan yang dipanggil ‘nota lapangan’ (field note). Nota lapangan ini diperkukuhkan lagi dengan catatan diari pengkaji secara ringkas. Sebagai satu cara bagi memudahkan pengkaji membuat nota lapangan, pengkaji akan membuat inisiatif menyediakan satu buku kecil untuk catatan lengkap setiap kali pemerhatian dibuat. Daripada buku kecil ini, pengkaji akan menyusunnya secara teratur dalam laporan lengkap yang ditandakan mengikut tarikh pemerhatian. Nota lapangan pula akan disahkan oleh cikgu pakar Bahasa Inggeris berdasarkan panduan komunikasi Bahasa Inggeris bagi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah” I can communicate too”

Analisis Dokumen

Pengesahan dari segi instrumen analisis dokumen pula akan dilaksanakan berdasarkan berdasarkan rubrik analisis dokumen seperti Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas Kefungsian

Rendah (Komunikasi), fail peribadi murid, pentaksiran bilik darjah, Rancangan Pendidikan Individu serta profil kemahiran berkomunikasi. yang akan di sediakan oleh pengkaji.

Proses Analisis Data

Proses Analisa data dalam kajian ini melibatkan data penelitian temu bual, analisis dokumen dan kaedah pemerhatian secara luas dan mendalam. Sebelum analisis data kajian di dilaksanakan, semua maklumat perlu dikumpulkan. Kemudian maklumat tersebut diorganisasikan ke dalam kategori-kategori, melakukan penggabungan, menjelaskan dalam unit-unit, mencari tema dan polanya, memilih isu-isu mengikut keutamaan, persembahan data serta penghasilan kesimpulan atau verifikasi agar mudah difahami. Analisis data dalam kajian ini dibuat induktif iaitu pengkaji membuat beberapa kategori-kategori, tema atau pola yang didapatkan daripada hasil pengutipan data kajian di lapangan.

Menurut Darusalam dan Hussin (2018), data kualitatif yang telah diperolehi perlu diproses sebaik sahaja kutipan data di buat. Data yang diperolehi oleh pengkaji melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan dokumen diproses dengan teliti bagi memudahkan carian dan rujukan semasa pengkaji melaksanakan proses penulisan laporan. Salinan transkrip temu bual yang kemudiannya dilabelkan mengikut kod dibuat dengan segera selepas temu bual dijalankan proses analisis yang sama juga dibuat terhadap data yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian dan dokumen.

Temu bual

Data yang diperolehi melalui temu bual akan dianalisis menggunakan secara sistematik menggunakan perisian NVivo iaitu jenis perisian terkini yang dibina khas untuk memudahkan dalam menganalisis dan mengorganisasi data-data kualitatif. Sebelum data-data temu bual dianalisis menggunakan perisian tersebut, semua hasil temubual guru akan didengarkan semula dan ditranskripsikan satu persatu dalam bentuk dialog. Seterusnya sebelum hasil transkripsi tersebut dimasukkan ke dalam perisian N Vivo, semua hasil transkripsi akan disemak oleh subjek kajian(guru) untuk memastikan ketepatannya. Setelah semua Langkah tersebut dilakukan, barulah proses mengimport ataupun memasukkan data ke dalam perisian NVivo akan dilakukan. Seterusnya data yang diperolehi melalui temu bual guru akan dianalisis dalam bentuk tema untuk memberi deskripsi isu permasalahan kajian iaitu faktor-faktor yang menyebabkan masalah komunikasi dalam kalangan murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah. Selain itu data temu bual juga akan dianalisis dalam bentuk tema untuk memahami masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Inggeris Pendidikan khas dan keperluan aktiviti main peranan Bahasa Inggeris.

Pemerhatian

Instrumen pemerhatian yang digunakan adalah untuk mendapatkan data yang mendeskripsi masalah komunikasi dan perubahan-perubahan yang dipamerkan oleh murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah selepas aktiviti main peranan dilaksanakan. Bagi setiap sesi pemerhatian, pengkaji akan menganalisis semua gerak balas peserta kajian(murid) terhadap penggunaan aktiviti main peranan. Data-data yang diperolehi dalam boring pemerhatian akan dianalisis secara jelas berdasarkan tingkah laku dan perkembangan komunikasi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah.

Analisis Dokumen

Data yang diperolehi dari analisis dokumen seperti Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas Kefungsian Rendah (Komunikasi), fail peribadi murid, pentaksiran bilik darjah, Rancangan Pendidikan Individu serta profil kemahiran berkomunikasi akan digunakan untuk menilai kemahiran komunikasi murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah berdasarkan aktiviti main peranan Bahasa Inggeris yang dijalankan.

RUMUSAN

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif bersesuaian dengan soalan kajian dan objektif kajian yang digunakan sebagai panduan menjalankan kajian. Bab ini telah membincangkan tentang reka bentuk kajian, peserta kajian, lokasi kajian, prosedur pengutipan data, prosedur menganalisis data. Pengutipan data menerusi analisis dokumen, kaedah pemerhatian serta temu bual. Kajian kes ini melibatkan tiga orang guru Pendidikan khas dan empat orang murid masalah pembelajaran berkefungsian rendah sebagai peserta kajian. Sekolah yang dipilih adalah dalam persekitaran lokasi kajian. Seterusnya diuraikan terperinci tentang prosedur pengutipan data, prosedur menganalisis data serta strategi memperkuat kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Seterusnya diterangkan tentang prosedur pengutipan data, prosedur menganalisis data kesahan dan kebolehpercayaan kajian untuk pelaporan dapatan kajian.

RUJUKAN

- Ackerman, D. J., Tazi, Z. (2015). Enhancing Young Hispanic Dual Language Learners' Achievement: Exploring Strategies and Addressing Challenges. ETS Research Report Series, 2015(1), 1-39.
- Alshenqeeti, Hamza. (2014). Interviewing As A Data Collection Method: A Critical Review. English Linguistics Research. 3.
- Ahn, R., Yeong I, J., White, J., Monroy, Liane., Tronske, N. (2018). Student-Centered Pedagogy: Using Moses' Five-Step Approach as a Scaffolding Framework to Teach Diverse Learners. Transformative Dialogues: Teaching & Learning Journal 11 (2), 1-18.
- Ain Mohd Fadzil. (2016). Main Peranan Dalam Meningkatkan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Aimi Najlaa Muhammad Noor, & Faridah Yunus. (2017). Kualiti Aktiviti Di Prasekolah KPM Dari Perspektif Guru. Jurnal Penyelidikan Pendidikan, 71-82.
- Aiza J., Lokman M. J. & Dillah W. 2018. Investigating Spelling Errors In A Malaysian Learner Corpus. Malaysian Journal of ELT Research, 3(1): 74-93.
- Ampatuan, R.A. & Jose, A.E.S. (2016). Role Play As An Approach In Developing Students Communicative Competence. International Journal for Innovation Education and Research 4(1): 18-24.
- Ang, C. T., & Lee, L. W. (2018). Pendidikan Inklusif. Petaling Jaya, Selangor: Sasbadi Sdn Bhd.
- Auni Bazilah Alias, & Mohd Jasmy Abd Rahman. (2019). Tahap Penggunaan Pendekatan Belajar Melalui Bermain Dalam Pengajaran Bahasa Inggeris Di Kalangan Guru Sekolah Rendah. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 6(1), 176-190
- Banerjee, R., Alsaman, A., & Alqafari, S. (2015). Supporting Sociodramatic Play in Preschools to Promote Language and Literacy Skills of English Language Learners. Early Childhood Education Journal, 44(2016), 299-305
- Bahagian Pendidikan Khas, KPM (2015). Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). dari www.moe.gov.my
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2018). Program Pendidikan Khas Integrasi. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/index.php/my/pendidikan-khas/programpendidikan-khas-integrasi>
- Candace, Cortiella, & Horowitz (2014). *The Stage Of Learning Disabilities: Facts, Trends And Emerging Issues*. (3rd Edition). Amerika, New York: National Center for Learning Disabilities.
- Chiu, F.Y., & Hsieh, M.L. (2016). Role-Playing Game Based Assessment To Fractional Concept In Second Grade Mathematics. EURASIA Journal of Mathematics Science and Technology Education, 13(4), 1075-1083.
- Coleman, C., & Davies, K. (2018). Striking Gold: Introducing Drama-Maths. Teachers And Curriculum, 18(1), 9-18.
- Chung, H. V. (2016). A Study Of Reading Comprehension Problems In English Encountered By First Year Students Of Faculty Of Vietnamese Studies At Hnue (Unpublished doctoral dissertation). Hanoi National University of Education, Hanoi.
- Creswell, J. W. (2014). Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches (4th ed.). Sage Publications, Inc.
- Creswell, J. (2015). Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. New York: Pearson.

- Darusalam, G., & Hussin, S. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Penyelidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Derakhshan, Ali & Shirmohammadli, Marjan. (2015). The Difficulties of Teaching English Language: The Relationship between Research and Teaching. *International Journal of Linguistics*. 7. 102.
- Desiningrum, D.R., (2016). *Psychology Of Children With Special Needs*. Yogyakarta: Psikosain.
- Devi, A., Fler, M., & Li, L. (2018). 'We Set Up A Small World': Preschool Teachers' Involvement In Children's Imaginative Play. *International Journal of Early Years Education*, 26(3), 295-311.
- Dogru, S.Y. (2014). The Efficacy Of Attention Training On Upskilling The Children's Ability Tonotice Details And Attention Focusing Skills. *International Journal of Academic Research*6(1):143- 149.
- Eturk, E. (2015). Role Play As A Teaching Strategy. National Tertiary Learning and Teaching Conference2014.Tauranga.https://www.researchgate.net/publication/284166003_Role_Play_as_a_Teaching_Strategy
- Fariza Md Sham, Salmihah Che Mud, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd Kusrin, Rosmawati Mohamad Rasit & Siti Norlina Muhammad. (2017). Panduan Syariah Untuk Ibu Bapa Menangani Perilaku Seksual Remaja Autisme (Islamic Guidance for Parents in Dealing the Sexual Behaviour of Adolescent with Autism). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 169-182
- Fey, M.E., Yoder, P.J., Warren, S.F. & Bredin-Oja, S. L. (2013). Is More Better? Milieu Communication Teaching In Toddlers With Intellectual Disabilities. *Journal of Speech, Language and Hearing Research*, 56, 679-693.
- Gemma, M. G., Pablo, M. C., & Cabedo-Mas, A. (2020). The Role Of Music In The Development Of Children With Down Syndrome: A Systematic Review. *Interdisciplinary Science Reviews*, 1-16
- Genidal Riadil, Ikrar. (2020). *Does Oral Presentation Affect The Development Of The Students' Ability To Speak In Efl Classroom?*. *Social Sciences, Humanities and Education Journal (SHE Journal)*. 1. 13. 10.25273/she.v1i2.6622
- Halias, N., Ismail, Z., & Baharudin, H. (2017). *Komunikasi Bukan Lisan Dalam Pengajaran Bahasa Arab*. Bangi: UKM.
- Halle, T., Hair, E., Wandner, L., McNamara, M., & Chien, N. (2012). Predictors and Outcomes of Early vs. Later English Language Proficiency Among English Language Learners. *Early Child Res Q*, 27(1), 1-20.
- Haraway, D.L. 2012. Monitoring students with ADHD within the RTI Framework. *Behaviour Analyst Today* 13(2): 17-21.
- Hasan, L.-N. K. (2016). The Effect Of Lack Of Vocabulary On English Language Learners' Performance With Reference To English Departments Students At Salahaddin University- Erbil. (*ZANCO Journal of Pure and Applied Sciences*), 211-227.
- Heppner, D. H. (2016). 'Then What Happened?' Studying Emergent Literacy In The Narrative Play Of Preschool Children. 30(5), 459-477
- Hoa, N. T., & Mai, P. T. (2016). Challenges In Teaching English For Specific Purposes: Empirical Study At Vietnam Universities. *Canadian Center of Science and Education*, 154-161.
- Hussein, H., Nachiappan, S., Masran, M. N., & Mohammad Khasnan, S. S. (2020). Analisis Pemupukankemahiran Berfikir Dalam Kalangan Murid Prasekolah Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(2), 34-47.
- Kilgour, P.W., Reynaud, D., Northcote, M.T., & Shields, M. (2015). *Role-Playing As A Tool To Facilitate Learning, Self Reflection And Social Awareness In Teacher Education*. *International Journal of Innovative Interdisciplinary Research*, 2(4), 8-20.
- Kirankumar, V. B. (2016). *Teaching Strategies for Children with Special Needs. One Day National Seminar on Teaching and Training to PWDs: Issues and Challenges* 1(1), 68-71.
- Krebt, D.M. 2017. The Effectiveness Of Role Play Techniques In Teaching Speaking For EFL College Students. *Journal of Language Teaching and Research* 8(5): 863-870
- Leong L, Ahmadi S M. (2017) *An Analysis of Factors Influencing Learners' English Speaking Skill*. *IJREE.*; 2 (1)
- Long, Y. (2017). *The Influence Of English Proficiency On Social Adjustment In Preschool English Language Learners*. (Doctor of Philosophy), University of Nebraska.
- Mohd Effendi @ Ewan, M. M., Hisyamsani, I., Normawati, A. R., & Ahmad Zamri, K. (2017). Kesahan Kandungan Pakar Instrumen IKBAR Bagi Pengukuran AQ Menggunakan Nisbah Kesahan Kandungan. In *International Conference on Global Education*, pp. 979-997
- Nazariyah Sani, (2014) *Merapatkan Jurang Literasi Murid-Murid Orang Asli: Apa Cabarannya?* *Jurnal Personalia Pelajar* (17). pp. 19-30.
- Nicolopoulou, A., Cortina, K. S., Ilgaz, H., Brockmeyer Cates, C., & de Sá, A. B. (2015). Using A Narrative-And Play-Based Activity To Promote Low-Income Preschoolers' Oral Language, Emergent Literacy, And Social Competence. *Early Childhood Research Quarterly*, 31(2015), 147-162.
- Nik Murshidah, Rahimah Embong, Raja Hazirah, Nooranida Awang, Mohd Taufiq, Zaiton Mustafa & Normila

- Noruddin. 2014. Keberkesanan Kaedah Main Dalam Pembelajaran Kemahiran Lisan Arab. Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014 (1983): 1–9
- Nishanthi, R. (2018). The Importance of Learning English in Today World. *International Journal of Trend in Scientific Research and Development*, Volume-3(Issue-1), 871–874.
- Nurul S. K. & Ramlah M. 2020. Faktor, kesan dan strategi menangani permasalahan kurang tumpuan pelajar sekolah menengah di dalam kelas: satu kajian kualitatif. *Kertas kerja International Counselling and Work*. Anjuran Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, 13-15September.
- Oers, B. V., & Duijkers, D. (2013). Teaching In A Play-Based Curriculum: Theory, Practice And Evidence Of Developmental Education For Young Children. *Journal of Curriculum Studies*, 45(4), 511-534.
- Ogbu, G. C. (2018). Factors Contributing To The Poor Academic Performance Of Students In Social Studies In Junior Secondary School In Nkanu East Local Government Area Of Enugu State. *Godfrey Okoye University, Nigeria*
- Özsoy, N., Özyer, S., Akdeniz, N., & Alkoç. A. (2017). An Example Of Prepared-Plannedcreative Drama In Second Grade Mathematics Education. *European Journal of Education Studies*, 3(8),516-529.
- Piu, A., Fregola, C., & Santoro, A. (2016). Using A Simulation Game To Make Learning About Angles Meaningful. An Exploratory Study In Primary School. *European Journal of Science and Mathematics Education*,4(4),490-500.
- Rahayu, S. L., & Fujiati. (2017). Penerapan Game Design Document Dalam Perancangan Game Edukasi Yang Interaktif Untuk Menarik Minat Siswa Dalam Belajar Bahasa Inggris. *Jurnal Teknologi Informasi dan Ilmu Komputer*, 5(1),341-246
- Robertson, N., Yim, B., & Paatsch, L. (2018). Connections Between Children’s Involvement In Dramatic Play And The Quality Of Early Childhood Environments. *Early Child Developmentand Care*, 4430(May), 1–14.
- Rojas, M.A. & Villafuerte, J. 2018. The Influence Of Implementing Role-Play As An Educational Technique On EFL Speaking Development. *Theory and Practice in Language Studies* 8(7): 726–732
- Ruth, G., J.I. Akwaji and P.M. Akos, 2016. The Role Of Counseling Services In Understanding The Characteristics And Etiology Of Learning Disabilities Among Primary School Pupils In Nigeria. *Asia Pacific Journal of Multidisciplinary Research*, 4(2):166-172.
- Şahin, B. (2018). Learning Mathematics With Creative Drama. *Journal Of Inquiry Based Activities*, 8(1),37-50.
- Saminathan, C., Lim, P. Y., Mustafa, Z. & Abdullah, A. (2020). Teachers’ Challenges In Implementing The Highly Immersive Programme In The Classrooms. *Language Education and Acquisition Research Network Journal*,13(2),194-207.
- Selvam, D., & Anal, A. (2022). Special Education Teachers’ Skills and Knowledge in Handling Students with Hearing Problems in Special Education Integration Program. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*,15(1), 19-28. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.1.3.2022>
- Shaari, Mariam & Ahmad, Sabarinah. (2016). Physical Learning Environment: Impact on Children School Readiness in Malaysian Preschools. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 222. 9-18. 10.1016/j.sbspro.2016.05.164.
- Suhami, Z. I., & Shaffeei, K. (2021). Analysis phase of self management instrument development for pupils with special educational needs learning disabilities revised KSSR Year 1. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(2), 87-95
- Sujud, A., Sedik, N. A. A., Affendi, N. R. N. M & Gaisun, I. Z. (2014). Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-Kanak. *Jurnal Melayu*, 13(1): 72-84
- Suppiah Nachiappan, Edward Munovah, R. M., Abdullah, N., & Suffian, S. (2017). Perkembangan Kognisi Dalam Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Teknik Bermain. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 6(1), 34–44.
- Taufik, N. & Rosli, R. (2020). Kaedah Main Peranan Dalam Pengajaran Asas Matematik Di Sekolah Alternatif Semporna: Satu Kajian Kes. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(1): 1–10.
- Unicef. (2018). Learning Through Play: Strengthening Learning Through Play in Early Childhood Education Programmes. UNICEF.
- Valeria C., Ilaria G. & Veron O. 2017. Social And Emotional Learning For Children With Learning Disability: Implications For Inclusion. *Special Issue*9(2): 100-109.
- Vardi-Rath, E., Lewin, T., Cohen, Z., Aillenber, H., & Eylon, T. (2016). The Development Of Subteacher Discourse During Pretend Play In The Wake Of Reading A Story. *Children’s Play, Pretense And Story: Studies In Culture, Context And Autism Spectrum Disorder*, 1, 198–226.
- Veny Iswantinegtyas. (2017). Penerapan Metode Bermain Peran Untuk Meningkatkan Keterampilan Sosial Anak.
- Vygotsky, L. (1978). *Mind In Society: The Development Of Higher Psychological Processes*. Learning (Vol. Mind in Society)

- Vyvey, E., Roose, R., De Wilde, L., & Roets, G. (2014). Dealing with Risk in Child and Family Social Work: From an Anxious to a Reflexive Professional? *Social sciences*, 3(4), 758-770.
- Whiteside, K. E., Gooch, D., & Norbury, C. F. (2017). English Language Proficiency and Early School Attainment Among Children Learning English as an Additional Language. *Child Development*, 88(3), 812-827.
- Zaharah Kamaruddin, & Suziyani Mohamed. (2019). Keberkesanan Pendekatan Bermain Dalam Kemahiran Mengenal Hurul Melalui Permainan Bahasa. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor